

29 SEP 1999

Keadilan-Letak jawatan

KETUA KEADILAN BALING LETAK JAWATAN DAN SERTAI UMNO

BALING, 29 Sept (Bernama) -- Ketua Parti Keadilan Nasional Bahagian Baling, Rafidi Mohamad meletak jawatan dan memohon menyertai UMNO setelah hilang keyakinan terhadap perjuangan parti pembangkang itu yang dianggapnya tiada arah tujuan.

"Saya kesal kerana terikut dengan pengaruh parti yang tiada haluan perjuangan," katanya pada sidang media di pejabat Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kupang di sini, malam tadi.

Sebelum itu Rafidi, 34, seorang peguam, menyerahkan borang keanggotaan UMNO kepada ADUN Kupang, Datuk Zainol Md Isa yang juga Timbalan Ketua UMNO Bahagian Baling di hadapan 300 penyokong UMNO.

Rafidi, yang agak popular sebagai penceramah politik yang lantang, seringkali menghentam kerajaan.

"Keadilan di sini akan terus hilang pengaruh akibat penyertaan saya dalam UMNO," katanya.

Beliau turut meminta maaf secara terbuka kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana keterlanjurannya membidas Perdana Menteri secara peribadi melalui ceramahnya.

"Secara ikhlas, saya menyanjungi sikap, kegigihan dan keikhlasan Perdana Menteri memantap dan membawa negara ke arah kecemerlangan," katanya.

Rafidi berkata penyertaan beliau dalam UMNO adalah berdasarkan keyakinannya terhadap parti itu dan bukan kerana beliau mendapat tawaran atau apa-apa jaminan daripada pihak tertentu.

-- BERNAMA

MN MAI